

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN  
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

**SOALAN** : **Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Bin  
Aman Razali** minta **MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan  
berapakah jumlah dana yang diperuntukkan  
untuk pengkomersialan teknologi dan  
inovasi pertanian dan industri asas tani dan  
apakah langkah-langkah bagi  
mempertingkatkan produktiviti dan  
mengurangkan kos sektor itu.

**JAWAPAN** :

Tuan Yang Dipertua,

Dalam RMKe-10, Kementerian melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menerima sebanyak RM231.8 juta bagi membiayai kedua-dua aktiviti penyelidikan dan pengkomersilan teknologi sektor pertanian.

Bagi menggalakkan peningkatan penggunaan mekanisasi ladang yang bertujuan mempertingkatkan produktiviti sekali gus mengurangkan kos pelaksanaan projek pertanian, perkhidmatan penggunaan jentera dan mekanisasi bagi petani-petani telah dilaksanakan melalui Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian (IADA).